

26 SEP 2000

Wanita-Aids/I

KEMISKINAN MEMBAWA KEPADA HIV/AIDS, KATA MARINA

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Disebabkan kemiskinan dan tinggal di kawasan luar bandar membuatkan wanita lebih terdedah kepada jangkitan seksual HIV/AIDS, kata presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir hari ini.

Katanya ini disebabkan di kebanyakan negara miskin, wanita serba kekurangan dalam masyarakat mereka, berbanding lelaki yang menyebabkan mereka dinafikan hak bukan sahaja dalam bidang pendidikan malahan khidmat kesihatan.

"Dalam kebanyakan kes mereka paling miskin daripada golongan miskin dan mereka paling kurang mendapat akses khidmat kesihatan termasuk perkhidmatan kesihatan reproduktif.

"Tambahan pula suasana tempat mereka tinggal lebih cenderung kepada tradisional dan konservatif yang menghadkan lagi keupayaan mereka untuk keluar daripada peranan jantina yang ditetapkan, terutama apabila ini memberikan ancaman terhadap kesihatan mereka," kata Marina.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja pada mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemantau Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Wilayah Asia Pasifik (RSC-AP) di sini.

Marina juga berkata walaupun di kebanyakan negara, jurang jantina untuk mendapat pendidikan semakin mengecil, masih menjadi hakikat bahawa terdapat kurang daripada 40 peratus pelajar wanita di sekolah menengah di Asia Selatan dan benua kecil Sahara Afrika.

"Tidak menghairankan jika di rantau yang sama, HIV/AIDS merupakan epidemik yang amat serius dan di benua kecil Sahara, wanita yang menghidapi HIV positif melebihi jumlah lelaki dengan dua juta," katanya.

Beliau juga menarik perhatian bahawa Bank Dunia telah melaporkan bahawa wanita terdiri daripada hampir 60 peratus penduduk miskin yang berjumlah satu bilion di dunia dan dua pertiga daripada golongan buta huruf dunia.

Bagi mengurangkan pendedahan wanita kepada HIV/AIDS, Marina berkata mereka perlu diberikan kuasa menjaga kesihatan mereka dengan memberikan mereka pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal, dan juga mendidik mereka mengenai hak mereka.

Beliau turut merayu semua Wanita Pertama yang hadir pada mesyuarat itu supaya memainkan peranan lebih besar dalam membantu mengurangkan stigma dan diskriminasi yang dikenakan terhadap mereka yang menghidapi HIV/AIDS.

Stigma dan diskriminasi itu katanya, merupakan halangan besar dalam memerangi penyakit itu.

-- BERNAMA

NM AR RON